



Teks Khutbah Jumaat TERKINI

JAUHI AJARAN SESAT

Untuk Bacaan 4 Oktober 2024M/ 1 Rabiul Akhir 1446H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ
وَصَّأَكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٦﴾ (سورة الأنعام)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Berkejar-kejaranlah kita

*Tajuk cadangan

mencari keredhaan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** sementara masih berkesempatan berada di alam dunia yang fana ini sebelum roh kita ditarik oleh-Nya. Dengarkan baik-baik, kerana pada hari ini saya akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“JAUHI AJARAN SESAT.”**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Realiti yang berlaku dalam masyarakat kita, ialah pencemaran akidah dan ajaran sesat yang semakin menjadi-jadi. Namun yang amat menghairankan ialah bagaimana terdapat umat Islam yang begitu mudah terpengaruh dengan ajaran sesat? Pencemaran akidah suci umat Islam bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia. Malah, pencemaran dan resapan ajaran sesat ke dalam sistem kepercayaan umat Islam di nusantara ini, semakin menjadi-jadi dari semasa ke semasa.

Ajaran sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan ajaran Islam; sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan al-Quran dan Sunnah serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Antara ajaran sesat yang menjadi keresahan masyarakat pada waktu ini adalah usaha-usaha untuk menghidupkan ajaran al-Arqam dan Rufaqa' yang bercanggah dengan Ahli Sunnah wal Jamaah yang telah diwartakan sesat oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang pada 1 Mac 2007.

Ciri-ciri yang kelihatan pada ajaran tersebut adalah seperti berikut:

Pertama: **Beramal dengan Aurad Muhammadiyah**

Kedua: Mengamalkan zikir agung (الذكر الأعظم) yang terkandung di dalamnya unsur *tawassul* iaitu menyeru roh orang yang telah mati serta mendakwa bahawa al-Syeikh Muhammad bin Abdullah al-Suhaimi sebagai Imam Mahdi.

Antara ciri lain juga termasuklah:

Mengkultuskan (mensucikan) pemimpin mereka atau tokoh-tokoh agama yang mereka percaya sehingga melampaui batasan ke tahap seakan menyamakan kedudukan pemimpin atau tokoh agama setaraf Nabi SAW.

Kesan dan akibat daripada pengkultusan itu:

1. Melahirkan ketaksuban yang melampau sehingga mentaati pemimpin mereka sekalipun jelas bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.
2. Mengikut secara membuta tuli dan mematuhi arahan pemimpin mereka sekalipun bercanggah dengan ajaran Islam.
3. Mengambil keberkatan secara melampau dari sisa tubuh-badan pemimpin mereka.
4. Mengaitkan pemimpin mereka yang dikultuskan dengan unsur-unsur yang dapat menjustifikasikan tindakan-tindakan mereka yang salah dengan menggunakan nama Imam Mahdi, jelmaan Rasulullah, karamah wali, keberkatan dan seumpamanya.
5. Mempercayai pemimpin mereka yang sudah mati masih hidup dan masih dapat memberi panduan kepada mereka.
6. Mewujudkan hukum-hakam syarak yang baharu untuk menjustifikasikan aktiviti mereka yang bercanggah dengan syarak iaitu hukum-hakam solat, pernikahan (munakahat) dan juga muamalat.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah tidak mendorong umatnya untuk bersikap ekstrem. Sebaliknya manhaj ini sangat menganjurkan umatnya

berkasih sayang dan bersederhana. Timbulnya ekstremisme dalam kelompok masyarakat apabila mereka merasakan bahawa dirinya atau kelompoknya sahaja yang benar, atau menganggap guru-guru mereka sahaja yang betul dan pelbagai lagi dakwaan. Ia tidak lain berpunca dari sikap fanatik atau taksub membuta tuli. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 36:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ

وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: “Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.”

Bahayanya sikap ekstrem boleh membinasakan masyarakat dan negara seluruhnya. Nabi SAW telah memperingatkan kita untuk berwaspada terhadap sikap ekstrem termasuk melampau dalam beragama kerana sikap itulah yang banyak membinasakan umat terdahulu. Baginda SAW bersabda:

أَيُّهَا النَّاسُ، إِيَّاكُمْ وَالْغُلُوفِ فِي الدِّينِ، فَإِنَّمَا أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ الْغُلُوفِ فِي الدِّينِ

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Berwaspadalah terhadap sikap ekstrem dalam beragama kerana perkara yang membinasakan umat sebelum kamu ialah sikap ekstrem dalam beragama.”

SAUDARA-SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Dalam mendepani isu yang berlaku di negara kita ketika ini, seharusnya, semua pihak memberi ruang yang secukupnya kepada seluruh pihak berkuasa untuk menjalankan tugas dan peranan masing-masing. Tidak seharusnya kita sibuk bertelagah, menuding jari dan menyalahkan antara satu sama lain. Sebaliknya, kita perlu bermuhasabah dengan diri sendiri atas segala yang berlaku.

Daripada mengkritik, menuduh, mencari kesalahan, mencerca dan sebagainya di media-media sosial, bukankah lebih baik kita diam atau setidak-tidaknya kita doakan kesejahteraan dan keselamatan serta turut mendoakan mereka yang terlanjur diberi petunjuk hidayah untuk kembali bertaubat kepada Allah SWT.

Mimbar turut merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah melaksanakan Ops Global bersama-sama pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Kimia bagi membendung ajaran yang menyimpang serta mengekang sebarang perbuatan jenayah yang bertentangan dengan undang-undang.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin merumuskan beberapa perkara:

Pertama: Ahli Sunnah wal Jamaah ialah mereka yang menuruti pegangan dan jalan hidup yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan para sahabat. Inilah satu-satunya kelompok yang terselamat dari neraka. Maka sewajibnya kita berpegang teguh dengan manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah.

Kedua: Persiapkan diri dengan akidah dan iman yang teguh dalam mendepani pelbagai bentuk ajaran yang menyeleweng dari pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah.

Ketiga: Berhenti menuding jari dan menyalahkan antara satu sama lain, sebaliknya bermuhasabahlah dan doakan semoga semuanya kembali kepada landasan Islam yang sebenar. Ia lebih baik kerana manfaatnya juga akan dinikmati meliputi seluruh umat. *Insyaa-Allah.*

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah al-A'raaf ayat 158:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ ۖ فَأَمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (diutus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimah-Nya (Kitab-kitab-Nya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



Khutbah Kedua

2024M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلِهِ وَآحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،
ثُمَّ اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا حَكِيمًا:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾ [الأحزاب:

[56

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الدِّينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَزُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ
عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْعَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf Pulau Pinang. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٠﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥١﴾